

## Bidang teknologi boleh diperbaharui jadi pilihan AWC

**PETALING JAYA** – AWC Bhd. (AWC), penyedia utama penyelesaian perkhidmatan kejuruteraan dan pengurusan kemudahan bersepadu dalam teknologi tenaga boleh diperbaharui optimis untuk menjadi peneraju dalam bidang berkenaan termasuk dalam sistem fotovolta.

Misi itu mampu dicapainya berikutan kerjasama yang dijalinan dengan Solamas Sdn. Bhd. (Solamas), pemaju sistem solar dan penyedia perkhidmatan untuk sistem fotovolta (salah satu komponen dalam sistem solar).

Solamas memiliki kepakaran selama enam tahun dalam mereka bentuk dan membina sistem serta rumusan yang dikuasakan oleh solar.

Kebanyakannya ialah sistem sendiri di kawasan-kawasan luar bandar tetapi terdapat beberapa pemasangan *Building Integrated Photovoltaics* (BIPV) yang dihubungkan kepada grid negara se-

perti bangunan ibu pejabat baru Suruhanjaya Tenaga di Putrajaya dan Pusat Operasi Teknologi Hijau DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. di Batu Tiga, Selangor.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif AWC, Azmir Merican berkata, usaha sama tersebut menyaksikan penubuhan sebuah syarikat baru iaitu AWC Solamas Sdn. Bhd. (AWC Solamas) yang telah beroperasi kini.

"AWC Solamas akan berkecimpung dalam bidang ekonomi hijau yang memiliki prospek pertumbuhan dan ada beberapa projek yang akan dilaksanakan meneruskannya," katanya pada sidang akhbar di sini selepas memeterai perjanjian bersama Pengarah Urusan Solamas, Lionel Yap.

Bagi usaha sama tersebut, AWC menawarkan penggunaan rangkaian perniagaan, pemasaran, pentadbiran dan so-


kongan operasinya manakala sebagai pulangannya, Solamas pula akan mereka serta membangunkan sistem solar dan penyelesaiannya.

Ketika ditanya mengenai projek terbaru melibatkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui, Azmir menjelaskan, terdapat perbincangan bersama pelanggan sedia adanya, kerajaan dan beberapa pemaju hartanah, namun ia masih dalam peringkat permulaan dan tidak dapat mengulas lanjut mengenainya.

Sementara itu, Azmir turut menandatangani satu lagi perjanjian kerjasama dengan Germguard Technologies (M) Sdn. Bhd. (Germguard) untuk membekalkan perkhidmatan rangkaian penuh inovasi udara kualiti dalam bangunan kepada mana-mana projek AWC.

Pemeteraian tersebut telah diwakili oleh Pengarah Eksekutif Germguard, Kailash Sheth.

BERHAD SIGNING CEREMONY  
 ATION OF JV COM... WITH SOL... S SD  
 2) CO... ORATION WITH GER... RD  
 NOLOG... SDN B...



LIONEL YAP (dari kiri), Azmir dan Kailash Sheth (kanan) melihat dokumen pada majlis menandatangani perjanjian di Kuala Lumpur semalam.